



27 Disember 2016  
27 December 2016  
P.U. (A) 366

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 2) 2016

### *STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 2) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 2) 2016.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

**Peremitan**

2. (1) Suatu amaun mengikut amaun pinjaman sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah diremitkan daripada duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana perjanjian pinjaman untuk membiayai pembelian satu unit harta kediaman sahaja yang bernilai tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) yang disempurnakan antara seorang individu warganegara Malaysia yang dinamakan dalam perjanjian jual beli dengan—

(a) suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

(b) suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];

(c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

(d) suatu penanggung insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

- (e) suatu pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (f) suatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];
- (g) mana-mana majikan yang menyediakan skim pinjaman perumahan pekerja;
- (h) Malaysian Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
- (i) Borneo Housing Mortgage Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

(2) Peremitan duti setem di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai sekiranya—

- (a) perjanjian jual beli bagi pembelian harta kediaman itu disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2017 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2018; dan
- (b) individu itu tidak pernah memiliki apa-apa harta kediaman termasuk harta kediaman yang diperoleh secara pewarisan atau pemberian, yang dipegang sama ada secara individu atau bersesama.

(3) Permohonan bagi peremitan duti setem hendaklah disertakan dengan surat akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*] oleh individu yang disebut dalam subperenggan (1) yang mengesahkan bahawa individu itu tidak pernah memiliki apa-apa harta kediaman termasuk harta kediaman yang diperoleh secara pewarisan atau pemberian, yang dipegang sama ada secara individu atau bersesama.